

28 MAY 2003

MCA-Kabinet

MCA KEMUKAKAN NAMA CALON KABINET KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- MCA yang bertukar pucuk pimpinan baru-baru ini telah mengemukakan nama calon cadangan parti itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad untuk rombak kabinet berikutan peletakan jawatan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ling Liong Sik.

Presiden MCA yang baru Datuk Seri Ong Ka Ting berkata beliau telah mengemukakan nama itu kepada Perdana Menteri semasa mesyuarat mingguan kabinet hari ini.

MCA bagaimanapun akan menghormati dan menyokong apa jua keputusan Perdana Menteri, katanya kepada pemberita di sini. Ong yang kini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memangku jawatan Menteri Pengangkutan.

"MCA telah memberi nama calon kepada Perdana Menteri. Sekarang ialah hak Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad. Oleh itu, semua anggota MCA tidak harus membincangkan atau membuat spekulasi tentang siapa yang akan pegang jawatan kabinet," katanya.

Ong enggan mengulas berapa nama yang terkandung dalam senarai yang dikemukakan kepada Dr Mahathir itu.

Selain daripada Ong yang mengambil alih sebagai presiden, parti itu juga mempunyai timbalan presiden baru Datuk Chan Kong Choy yang menggantikan Datuk Seri Lim Ah Lek.

Ong berkata anggota parti tidak harus membuat spekulasi bakal pengganti jawatan kabinet yang ditinggalkan Dr Ling kerana ini akan menimbulkan kekeliruan dan tidak adil kepada calon yang disenaraikan.

MCA kini mempunyai empat menteri, enam timbalan menteri dan tiga setiausaha parlimen dalam kerajaan.

Selain Dr Ling dan Ong, dua menteri yang lain ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn.

-- BERNAMA

CCB TCL RON